

## PILIHANRAYA-KESIHATAN

1978

KOTA BHARU, 10 MAC (BERNAMA) — TARAF PERKHIDMATAN KESIHATAN DI KELANTAN AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI DENGAN ADANYA KERJASAMA ERAT ANTARA KERAJAAN NEGERI DENGAN PUSAT, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN KLINIK DI KETEREH, 14 BATU DARI SINI BELIAU BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT NEGERI KELANTAN BAGI MENENTUKAN UJUDNYA KERJASAMA ITU.

KATANYA, RAKYAT JNGA PERLU MENGUBAH SIKAP MEREKA KE ARAH PEMBANGUNAN UNTUK KEPENTINGAN JENERASI AKAN DATANG.

BELIAU BERKATA, PEMBANGUNAN MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR PENTING DALAM USAHA MEMBANGUNKAN SESUATU MASYARAKAT. —BERSAMBUNG 1325/A1

### PILIHANRAYA-KESIHATAN 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN SEGALA KEMUDAHAN KESIHATAN BAGI RAKYAT YANG MEMERLUKAN SAMA ADA YANG TINGGAL DI LUAR DAN DALAM BANDAR.

TERDAHULU DARI ITU, SEMASA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN BARU JABATAN PENERANGAN YANG BERTAMBAH LEBIH \$80,000 DI KUALA KRAI, 43 BATU DARI SINI, BELIAU BERKATA, JABATAN PENERANGAN DAN PARA PEGAWAINYA MEMPUYAI TUGAS PENTING BAGI MENERANGKAN SEMUA DASAR KERAJAAN KEPADA RAKYAT.

KATANYA, MEREKA HENDAKLAH MEMBERI PENERANGAN YANG BENAR DAN JELAS KEPADA RAKYAT KHASNYA BAGI MEREKA YANG TINGGAL DI LUARBANDAR.

+DENGAN ADANYA PENERANGAN YANG BENAR DAN JELAS RAKYAT TIDAK AKAN MUDAH TERKELIRU DENGAN SEGALA DAKYAH YANG DIPUTAR-BELITKAN OLEH GOLONGAN YANG TIDAK DIINGINI+ TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1330/A1

### PILIHANRAYA-KESIHATAN 3 KOTA BAHARU

BELIAU JUGA MENGINGATKAN RAKYAT LUARBANDAR YANG TINGAL BERDEKATAN DENGAN SEMPADAN THAI-MALAYSIA SUPAYA JANGAN MUDAH DIPENGARUHI OLEH PROPAGANDA YANG DATANG DARI SIARAN RADIO HARAM PARTI KOMUNIS.

MENURUT BELIAU SIARAN ITU HANYA MEMBURUK-BURUKAN KERAJAAN DAN PARA PEMIMPIN NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA KESAL DENGAN AKHBAR TEMPATAN TERTENTU YANG CUBA MEMUTARBELITKAN BERITA BAGI KEPENTINGAN GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI.

KATANYA, SIKAP AKHBAR SEPERTI ITU TIDAK MENGGALAKKAN DAN KURANG SIHAT BAGI NEGARA SEPERTI MALAYSIA.

+AKHBAR MEMANG MEMPUYAI PERANAN BAGI MENYEBARKAN BERITA ATAU MENERANGKAN SESUATU, TETAPI SEBARANG BERITA ATAU PENERANGAN HENDAKLAH DISIARKAN DENGAN BETUL TANPA DIPUTARBELITKAN,+ TAMBAH BELIAU. — BERSAMBUNG 1330/AZ

#### PILIHANRAYA-KESIHATAN 4 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA, DENGAN ADANYA JENTERA PENERANGAN YANG LENGKAP KERAJAAN AKAN DAPAT MEMATAHKAN SEGALA PROPAGANDA PALSU YANG DITUJUKAN KEPADANYA.

TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DATUK HAJI OTHMAN ABDULLAH, YANG TURUT BERUCAP MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA JANGAN MUDAH TERTIPU DAN TERPERANGKAP OLEH ANASIR FRON PARTI KOMUNIS MALAYA, IAITU PERSATUAN PERSAUDARAAN ISLAM (PEPERI).

KATANYA, PERSATUAN ITU DIDAPATI MEMPERALATKAN ALIM ULAMA BAGI MENJALANKAN KEGIATAN DAN NIAT JAHAT MEREKA.

TENTANG PILIHANRAYA, BELIAU BERKATA RAKYAT NEGERI KELANTAN MASIH MEMERLUKAN BANTUAN PEMBANGUNAN FISIKAL DAN ROHANIAH.

TAMBAH BELIAU, PEMBANGUNAN TERSEBUT PERLU BAGI KEPENTINGAN JENERASI AKAN DATANG. — BERSAMBUNG 1406/LK

#### PILIHANRAYA-KESIHATAN 5 KOTA BAHARU

DATUK OTHMAN BERKATA, MEREKA YANG MENOLAK PEMBANGUNAN ADALAH DIDORONGKAN OLEH NAFSU SEMATA-MATA YANG TIDAK INGIN MELIHAT KESTABILAN SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK DI NEGARA INI.

BELIAU MENYERU PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PENERANGAN SUPAYA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN JUJUR DALAM MENJALANKAN KERJA MASING-MASING. — BERNAMA 1408/LK